



KENYATAAN MEDIA HARI KE-15

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 dan Kenyataan Media YAB Ketua Menteri Sabah pada 30 Mac 2020 yang menyatakan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan [PKP] adalah **dilanjutkan sehingga 14 April 2020**.

A. PELANJUTAN TEMPOH LARANGAN KEPADA 14 APRIL 2020

1. Oleh yang demikian, mesyuarat Sabah COVID-19 Command Centre mengingatkan bahawa **semua arahan melalui surat dan kenyataan media** yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sebelum ini adalah dilanjutkan sehingga 14 April 2020.
2. Sehubungan dengan itu, semua pihak berkuasa adalah diingatkan untuk menguatkuasakan larangan-larangan dan ketetapan-ketetapan semasa Perintah Kawalan Pergerakan [PKP] yang terdahulu.
3. Dengan ini, orang ramai dan pihak-pihak yang terlibat hendaklah mematuhi larangan-larangan dan ketetapan-ketetapan semasa Perintah Kawalan Pergerakan [PKP].

B. PENUTUPAN OPERASI LADANG SAWIT DI BAWAH PERUNTUKAN AKTA 342

1. Kerajaan Negeri pada 30 Mac 2020 telah memutuskan bahawa penutupan operasi ladang sawit dan kilang Kelapa Sawit di tiga (3) daerah iaitu Tawau, Lahad Datu dan Kinabatangan adalah dilanjutkan sehingga 14 April 2020.
2. Kerajaan Negeri juga memutuskan untuk menutup operasi ladang sawit dan kilang Kelapa Sawit di tiga (3) lagi daerah iaitu Kalabakan, Semporna dan Kunak berkuatkuasa mulai 01 April 2020 sehingga 14 April 2020.

C. OPERASI KEDAI TAYAR DAN BENGKEL

1. Kerajaan Negeri memutuskan untuk membenarkan sebilangan kedai tayar dan bengkel yang berdaftar di bawah Jabatan Kerja Raya untuk beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini.
2. Bilangan kedai tayar dan bengkel yang akan diberikan kebenaran akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Daerah masing-masing.
3. Masa operasi yang dibenarkan adalah 8.00 pagi hingga 2.00 petang pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat sahaja.

D. OPERASI PASAR TANI [FAMA]

Kerajaan Negeri memutuskan untuk tidak mengadakan Pasar Tani [FAMA] di Negeri Sabah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan [PKP].

E. OPERASI KEDAI HAIWAN PELIHARAAN [PET SHOP]

1. Kerajaan Negeri memutuskan untuk membenarkan kedai haiwan peliharaan [Pet Shop] untuk beroperasi tiga (3) kali seminggu pada hari Isnin, Rabu, Jumaat. Masa operasi yang dibenarkan adalah jam 8:00 pagi hingga 2:00 petang.
2. Bilangan yang dibenarkan akan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Daerah masing-masing.

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
01 April 2020 | 6.00 Petang**